



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Parlimen No. 38 Tahun 1968 dengan pindaan No. 143 Tahun 1974 dan No. 409 Tahun 1989.

**Ruj. Kami: bil: (31) dlm PPM-WPKL/KPPNg/001/2016
Tarikh: 16^{hb} Mei, 2016**

Kepada,

YBHG. PROF. MADYA DR. SOPIAN BIN BUJANG

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Mahasiswa,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,
Aras 5, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
62200, Wilayah Persekutuan
PUTRAJAYA.

YBhg. Professor,

**PERMOHONAN MENJEMPUT PARA MAHASISWA / MAHASISWI DARI DAERAH-DAERAH KLKM
UNTUK MENYERTAI PASUKAN PETUGASSUKARELAWAN JAMBORI PENGAKAP MALAYSIA KE 13
DAN JAMBORI PENGAKAP ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2016.**

Dengan segala hormat dirujuk perkara di atas.

Sehubungan dengan perlantikan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah kepada penganjuran Jambori Pengakap Malaysia ke 13, tahun 2016 ini, saya bagi pihak PPM Negeri WPKL ingin memanjangkan jemputan penyertaan sebagai petugas sukarelawan Jambori kepada para mahasiswa / mahasiswi yang berminat untuk bersama di dalam menjayakan pengelolaan Jambori Pengakap Malaysia pada kali ini yang akan berlangsung mengikut keperincian seperti berikut:-

**Tarikh : Dari 25hb November – 01hb Disember, 2016
Tempat: Taman Metropolitan Batu, Jalan Ipoh, Sentul
Kuala Lumpur**

Kepada para mahasiswa / mahasiswi yang berminat, mohon dilengkapkan Borang Penyertaan yang disediakan bersama dengan yuran penyertaan sebanyak RM60/- untuk didepositkan ke dalam akaun bank di mana keperinciannya akan dimaklumkan di dalam siaran susulan tidak lama lagi. Satu sesi taklimat kepada para petugas sukarelawan akan diadakan bagi penyelarasan bidang kerja yang telah dirancang.

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

d/a: Rumah BP, Jalan Hang Jebat, 50150 KUALA LUMPUR

www.pengakapkuualalumpur.my

email : pengakapkuualalumpur@gmail.com

011-12842534

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Bin Mohamad adalah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang akan bertanggungjawab di dalam Negeri KLKM. Serta Daerah-Daerah di bawahnya.

Untuk makluman pihak YBhg. Professor, seramai 7000 orang peserta dijangka akan menyertai Jambori Pengakap Malaysia pada kali ini. Mereka akan terdiri dari ahli-ahli pengakap dari dalam dan luar negara yang berumur di antara 12 sehingga 17 tahun. Corak pengisian aktiviti Jambori Pengakap yang berbentuk "urban challenge" akan menampirkan konsep kepengakapan di dalam konteks perbandaran Metropolitan. Oleh yang demikian, amat besar harapan saya yang mewakili PPM Negeri WPKL agar pihak YBhg Professor sudi memberikan sokongan dan kerjasama.

Segala sokongan serta kerjasama erat dari pihak YBhg. Professor di dalam menjayakankan program ini sangat disanjung dan didahulukan dengan ucapan setinggi penghargaan serta terima kasih.

Salam hormat dari saya,

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"
"PENGAKAP PENGGERAK TRANSFORMASI GENERASI"**

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



DATO' DR. ELLI BIN MOHD TAHIR
D.I.M.P., P.P.B., P.P.S., P.R., B(Sc)Geology., M.B.B.S., UNIKL-RCMP
Ketua Pesuruhjaya Pengakap
Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Salinan Kepada:

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Bin Mohamad
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLKM

YBhg. Dato' Raja Ruslan Bin Raja Samah
Ketua Pegawai Eksekutif PPM

YBrs.En. Latiff Bin Abu Hassan
Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri WPKL

YBrs. En. Mohd Hilmi Bin Abu Bakar
Pesuruhjaya Program Negeri WPKL

YBrs. En. Kamarulbashah Bin Hussin
Ketua Jabatan Sumber Manusia Jambori Pengakap Malaysia ke 13

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

d/a: Rumah BP, Jalan Hang Jebat, 50150 KUALA LUMPUR

www.pengakapkuualalumpur.my

email : pengakapkuualalumpur@gmail.com

011-12842534